

PENGURUSAN PERKAHWINAN PELARIAN MUSLIM FILIPINA DI SABAH: SATU TINJAUAN UMUM

Marriage Management of Muslim Filipino Refugees in Sabah: A General Overview

¹SITI FATIMAH AZ-ZAHRAA M. RASID RIDA

²*MOHD NUR HIDAYAT HASBOLLAH HAJIMIN

^{1,2}*Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

88400 Kota Kinabalu, Sabah

*Corresponding author: mnhidayath_h@ums.edu.my

Dihantar/Received: 2 July 2025 | Penambahbaikan/Revised: 5 August 2025

Diterima/Accepted: 6 January 2026 | Terbit/Published: 30 June 2026

DOI: <https://doi.org/10.51200/manu.v37i1.6584>

Abstrak Pelarian Filipina telah menetap di Sabah selama lebih daripada lima dekad sejak awal tahun 1970an. Namun, kerajaan Malaysia masih tetap dengan pendirian untuk tidak menjadi ahli kepada Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Rentetan itu, mereka tidak mendapat pengiktirafan status secara rasmi di sisi undang-undang yang menyebabkan mereka berdepan dengan pelbagai kesukaran serta keterhadan akses termasuklah akses terhadap pendaftaran dan pengiktirafan perkahwinan. Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji prosedur pengurusan perkahwinan pelarian muslim Filipina yang sedia ada di Sabah beserta isu dan cabaran dalam pengaplikasiannya. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif melalui kaedah kepustakaan dan temu bual separa berstruktur terhadap beberapa informan kajian yang dipilih secara bertujuan. Hasil kajian mendapati bahawa golongan pelarian yang diberikan akses terhadap permohonan kebenaran dan pendaftaran perkahwinan hanyalah mereka yang memegang dokumen jenis IMM13. Sementara, dokumen jenis Sijil Banci dan Resit Pengenalan Sementara tidak diterima untuk berurusan di bahagian Pentadbiran Syariah, JHEAINS kerana dokumen tersebut hanyalah dokumen penentuan status pelarian yang tidak mempunyai sandaran undang-undang. Kekangan ini menyebabkan lebih separuh daripada jumlah keseluruhan pelarian Filipina di Sabah melangsungkan perkahwinan tanpa kawal selia daripada pihak berkuasa. Suatu bentuk garis panduan yang khusus wajar dimuktamadkan oleh agensi kerajaan yang berkaitan agar perkahwinan golongan pelarian dapat dikawal selia secara lebih teratur dan terpelihara mengikut tuntutan syarak serta perundangan negara.

Kata kunci: Pelarian Filipina, pengurusan perkahwinan, hak asasi, Sabah.

Abstract *Filipino refugees have lived in Sabah for over five decades, beginning in the early 1970s. However, the Malaysian government has maintained its position of not acceding to the 1951 Refugee Convention and its 1967 Protocol. As a result, these individuals remain unrecognised under formal legal frameworks, making them vulnerable to various hardships and limitations, including restricted access to civil registration and legal marriage recognition. This study seeks to examine the existing procedures governing the marriage management of Muslim Filipino refugees in Sabah, as well as the key issues and challenges associated with their implementation. Employing a qualitative methodology, the research draws upon both literature review and semi-structured interviews conducted with purposively selected informants. Findings reveal that only refugees in possession of the IMM13 document are permitted to apply for marriage approval and registration. In contrast, holders of Census Certificates and Temporary Identification Receipts are excluded from engaging with the Syariah Administration Division of JHEAINS, as these documents merely indicate refugee status without any legal foundation. This restriction has resulted in more than half of the Filipino refugee population in Sabah contracting marriages outside the purview of state authorities. Therefore, it is crucial that a clear and specific guideline be formulated by the relevant government agencies to ensure that refugee marriages are administered systematically, in accordance with both Islamic principles and national legal standards.*

Keywords: *Filipino refugees, marriage management, human rights, Sabah.*

PENDAHULUAN

Pencabulan hak asasi manusia yang dilakukan secara brutal terhadap masyarakat Muslim di Selatan Filipina pada awal tahun 1970an telah membawa kepada penghijrahan mereka ke negara lain untuk mendapatkan bantuan perlindungan dan jaminan keselamatan. Penghijrahan tersebut berlaku dalam skala yang besar dan negeri Sabah menjadi destinasi tumpuan mereka (Rachagan & Dorall, 1981). Kerajaan negeri Sabah pada ketika itu menerima kedatangan mereka secara terbuka atas dasar perikemanusiaan yang dizahirkan oleh Tun Mustapha sebagai Ketua Menteri Sabah dan Tun Abdul Razak Bin Datu Hussein sebagai Perdana Menteri Malaysia. Tindakan tersebut mendapat sokongan undang-undang Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di bawah kendalian *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) meskipun Malaysia tidak meratifikasi Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 (Daily Express, 1974). Disebabkan Malaysia bukan negara ahli kepada mana-mana konvensyen antrabangsa ini menyebabkan Malaysia tidak mempunyai sebarang perundangan khusus berkaitan pelarian dan menjadikan status mereka sebagai pelarian tidak diiktiraf secara rasmi dari segi undang-undang negara (Khairi, 2012).

Tanpa pengiktirafan status secara perundangan negara, golongan pelarian berdepan dengan pelbagai cabaran, kekangan dan kesukaran sepanjang keberadaan mereka di Malaysia kerana mereka tidak mempunyai jaminan terhadap perkara-perkara yang menjadi hak asasi manusia (Saibeh, 2018). Salah satu kekangan yang dihadapi adalah kekangan akses terhadap pengurusan perkahwinan, iaitu hak untuk membina institusi keluarga yang dilindungi undang-undang. Perkahwinan yang dilangsungkan tanpa mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh undang-undang dan tidak didaftarkan secara rasmi adalah terdedah kepada risiko ke atas hak pasangan dan anak. Antara risiko yang perlu dihadapi adalah timbulnya keraguan berkaitan status kesahan

perkahwinan, penafian hak asasi manusia yang kebanyakannya menjurus kepada wanita dan kanak-kanak, pelanggaran terhadap hak dokumentasi, dan kritikalnya adalah pengiktirafan kewarganegaraan anak (Mamat & Mohamed Razali, 2020). Sekiranya isu ini tidak menemui jalan penyelesaian yang lebih progresif dan menyeluruh, maka ia akan menjadi salah satu penyumbang kepada peningkatan statistik individu tanpa kerakyatan (*stateless*) di Sabah yang kian meruncing dari semasa ke semasa.

METOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menetapkan kajian kes dan fenomenologi sebagai reka bentuk kajian. Data diperoleh menerusi dua kaedah kajian, iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan yang menggunakan temu bual separa berstruktur sebagai instrumen kajian. Temu bual dijalankan secara bersemuka ke atas informan kajian yang telah dipilih. Soalan diutarakan mengikut tema-tema yang diperlukan dan relevan dengan objektif kajian (formal).

Dua kategori informan dalam kajian ini. Kategori pertama adalah pihak autoriti yang diwakili oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Sabah (JHEAINS) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sementara, kategori kedua adalah masyarakat pelarian yang diwakili oleh dua kumpulan, iaitu (1) Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan dan Kemajuan Masyarakat Pelarian (JKKMP), dan (2) ketua keluarga orang pelarian. Kedua kumpulan ini berasal dari Skim Penempatan Masyarakat Pelarian (SPMP). Setiap SPMP (lima buah SPMP yang telah digazetkan di Sabah) diwakili oleh seorang JKKMP dan dua orang ketua keluarga. Data dan maklumat yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan disusun secara tematik.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Dasar Kerajaan Terhadap Isu Pelarian

Kerajaan Malaysia sehingga ke hari ini masih lagi tetap dengan pendirian untuk tidak memberikan pengiktirafan status secara rasmi ke atas golongan pelarian yang ada di dalam negara. Perkara ini jelas melalui dasar kerajaan Malaysia yang tidak menjadi ahli dalam Konvensyen Pelarian 1951 dan Protokol 1967 berkaitan orang pelarian (Fazlan, 2024; Misnon, 2024; Khairi, 2012; The New Straits Times, 1999). Rasional tindakan pihak kerajaan adalah untuk memastikan Malaysia tidak menjadi destinasi utama kepada lebih ramai pelarian yang akan memicu kepada isu 'kebanjiran warga asing' serta memberikan kesan negatif terhadap pembangunan negara daripada aspek politik, sosial dan ekonomi dalam jangka masa panjang (Mohd Arshad & Abd Batau, 2023; Khairi, 2021).

Dasar am kerajaan Malaysia berkaitan dengan pelarian dan pemohon suaka secara umum adalah seperti berikut (Misnon, 2024):

- 1) Malaysia bukan negara pihak kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 (Konvensyen 1951) dan Protokol Mengenai Status Pelarian 1967 (Protokol 1967).
- 2) Pelarian yang masuk dibenarkan tinggal secara sementara atas dasar kemanusiaan sebelum ditempatkan semula ke negara ketiga atau pulang ke negara asal.

- 3) Mana-mana pelarian atau pemohon suaka tidak boleh menuntut apa-apa hak di sisi undang-undang seperti yang termaktub dalam Konvensyen 1951 dan Protokol 1967 atau mana-mana triti antarabangsa berkaitan pelarian dan pemohon suaka yang mana Malaysia tidak menjadi Negara Pihak; dan
- 4) Kerajaan berhak untuk membentuk atau mengubah apa-apa dasar, peraturan, perundangan dan mekanisme kerajaan terhadap pelarian dan pemohon suaka bagi menjaga kepentingan dan kedaulatan negara.

Secara dasarnya, kerajaan Malaysia tidak mempunyai obligasi ataupun tanggungjawab di sisi undang-undang untuk memberikan perlindungan serta bantuan secara rasmi. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan tetap menjalankan usaha untuk memberikan bantuan dan menyediakan perkara-perkara yang menjadi keperluan dalam asas kelangsungan manusia berdasarkan ihsan sesama manusia (Fazlan, 2024; Misnon, 2024). Antara usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan ialah pemberian dokumen khas untuk penentuan status pelarian, penyediaan skim penempatan (hanya disediakan untuk pelarian di Sabah), akses terhadap pendidikan alternatif, perkhidmatan penjagaan kesihatan, peluang pekerjaan serta permohonan kebenaran dan pendaftaran perkahwinan (M Rasid Rida & Hajimin, 2025; Fazlan, 2024; Misnon, 2024; Mohamed Razali et.al, 2024; Parlimen Malaysia, 2024; Hajimin et.al, 2023; Mohd Arshad, 2022; Mamat & Mohamed Razali, 2020; Hajimin et.al, 2018; Saibeh, 2018; Daily Express, 1984; Daily Express, 1978). Usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam keadaan tidak mempunyai perundangan khusus dan kekaburan dasar bagi menangani isu pelarian menyebabkan wujudnya kelemahan dan kelompangan dalam sistem pengurusan pelarian. Kerajaan Malaysia sepatutnya mempunyai mekanisme pengurusan yang jelas dan sistematik agar usaha pengurusan dapat dijalankan dengan lebih efisien memandangkan Malaysia telah berhadapan dengan isu pelarian selama lebih daripada lima dekad.

Hak Perkahwinan dalam Islam dan di Bawah Undang-Undang Antarabangsa Serta Perlembagaan Malaysia

Islam tidak pernah menolak perkara-perkara yang menjadi fitrah ataupun naluri semula jadi manusia. Malah, Islam meraikan dan menghormati setiap satu daripadanya. Islam memberikan panduan serta bimbingan kepada manusia untuk memenuhi fitrah tersebut dengan jalan yang baik dan sesuai agar tidak menyalahi ajaran agama. Antaranya adalah anjuran syarak kepada umat Islam untuk melaksanakan pernikahan atau perkahwinan (Shiddieqy, 1983). Dijelaskan definisi perkahwinan sebagai akad yang dilakukan untuk mengharuskan lelaki dan perempuan melakukan *jimak* yang tidak halal sebelumnya dengan menggunakan lafaz nikah, *tazwij* dan terjemahannya (Md Arshad et.al, 2014). Allah SWT telah mensyariatkan perkahwinan dalam Islam bagi memenuhi fitrah manusia untuk hidup secara berpasangan, berkasih sayang dan memiliki zuriat keturunan. Pensyariatan tersebut telah dinukilkan dalam firman Allah:

Maksudnya: *Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah dengan sesiapa yang kamu berkenandari perempuan-perempuan (lain): dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau (pakailah) hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman.*

(Al-Quran, 4:3)

Nas daripada hadith pula telah disampaikan oleh ‘Abdillah bin Mas’ud:

Mafhumnya: “*Wahai para pemuda! Sesiapa di antara kamu telah mampu (pembiayaan) berkahwin, maka bernikah lah. Kerana nikah itu dapat menundukkan mata dan memelihara faraj (kelamin). Dan sesiapa yang belum mampu, maka hendaklah berpuasa kerana puasa itu dapat menjadi perisai baginya (dalam membendung syahwat)*”.

Riwayat al-Bukhari (5065) dan Muslim (3466)

Berdasarkan kepada dalil-dalil di atas, Allah SWT telah memberikan hak kebebasan kepada umat manusia untuk memilih pasangan hidup kemudian berkahwin jika telah sampai pada waktunya serta mempunyai kemampuan dari segi zahir dan batin. Walaupun manusia diberikan kebebasan memilih pasangan, syarak menetapkan rukun dan syarat tertentu bagi mengawal setiap proses tersebut agar tidak membawa kepada penyalahgunaan hak serta ketidakstabilan sosial. Bermula daripada pemilihan pasangan sehinggalah ke alam perkahwinan. Berdasarkan undang-undang Islam, suatu perkahwinan tidak akan berlaku sekiranya tidak berasaskan kepada beberapa perkara penting yang dipanggil rukun dan syarat sah perkahwinan. Menurut Imam Syafie dalam kitab Al-Umm (1989), terdapat lima rukun nikah yang telah digariskan dan setiap satunya diikat dengan syarat tertentu agar perkahwinan tersebut berlangsung dengan sempurna dan sah di sisi syarak. Rukun nikah yang dimaksudkan adalah pengantin lelaki (suami), pengantin perempuan (isteri), wali, dua orang saksi dan sighah (Irbili, 1995). Hal ehwal perkahwinan amat dititikberatkan dalam Islam kerana ianya bukan sekadar kontrak sivil di antara dua individu yang mengikat tali perkahwinan, tetapi juga sebagai langkah awal dalam pembentukan sesebuah generasi baru. Khadimi (2001) menyatakan bahawa salah satu tujuan (maqasid) perkahwinan adalah untuk menjaga keturunan (*hifz al-nasl*).

Dalam konteks undang-undang antarabangsa pula, hak untuk berkahwin dan membentuk institusi kekeluargaan telah diperakui secara rasmi dan universal sebagai hak asasi manusia. Perkara ini secara jelas telah diperuntukkan dalam Artikel 16(1) Deklarasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Hak Asasi Manusia 1948 (*Universal Declaration of Human Rights* 1948). Peruntukan tersebut menyatakan bahawa bangsa, kewarganegaraan ataupun agama bukanlah sekatan bagi lelaki dan perempuan yang sudah cukup umur untuk berkahwin serta membentuk keluarga. Mereka mempunyai hak yang sama rata semasa berada dalam tempoh perkahwinan dan semasa berlakunya pembubaran perkahwinan. Perkara ini ditegaskan lagi melalui Artikel 5(a) Deklarasi Kaheerah Mengenai Hak Asasi Manusia dalam Islam 1990 (*The Cairo Declaration on Human Rights In Islam* 1990) yang menyatakan bahawa lelaki dan wanita mempunyai hak untuk berkahwin tanpa ada sekatan yang berpunca daripada bangsa, warna kulit dan kewarganegaraan. Perbezaan dalam aspek-aspek tersebut tidak menjadi penghalang mana-mana lelaki dan wanita daripada menikmati hak untuk membentuk sesebuah institusi kekeluargaan. Meskipun banyak negara yang menyokong secara prinsip Deklarasi PBB 1948 dan menjadi ahli dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) yang meluluskan Deklarasi Kaheerah 1990, kesukaran penguatkuasaan terhadap hak perkahwinan yang dinyatakan sering timbul kerana sifat kedua-dua deklarasi yang tidak mengikat negara ahlinya secara undang-undang (Mamat & Mohamed Razali, 2020).

Hak perkahwinan dan pembentukan keluarga juga diperuntukkan dalam konvensyen antarabangsa mengenai Hak-Hak Sivil dan Politik 1966 (*International Covenant on Civil and Political Rights* 1966) serta konvensyen mengenai Persetujuan untuk Berkahwin, Umur Minimum

untuk Perkahwinan dan Pendaftaran Perkahwinan 1962 (*Convention on Consent to Marriage, Minimum Age for Marriage and Registration of Marriages* 1962). Namun, Malaysia tidak menjadi sebahagian daripada negara ahli bagi kedua-dua konvensyen tersebut. Konvensyen Hak-Hak Sipil dan Politik 1966 memberikan pengiktirafan terhadap hak perkahwinan lelaki dan wanita yang dilangsungkan dengan persetujuan bebas atau persetujuan penuh melalui Artikel 23(2) dan Artikel 23(3). Sementara, keperluan untuk mendaftarkan sesebuah perkahwinan dalam daftar rasmi yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa pula dinyatakan di bawah Artikel 3 dalam Konvensyen Persetujuan untuk Berkahwin, Umur Minimum untuk Perkahwinan dan Pendaftaran Perkahwinan 1962.

Di peringkat nasional pula, hak perkahwinan dan pembentukan keluarga tidak disebut secara langsung dalam Perlembagaan Malaysia. Tetapi, hal ehwal berkaitan perkahwinan serta perceraian orang Islam telah diletakkan di bawah bidang kuasa legislatif Kerajaan Negeri berdasarkan Item 1 Senarai Kedua (Senarai Negeri di Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan (1957) iaitu sebahagian daripada undang-undang peribadi dan keluarga. Bidang kuasa tersebut dilaksanakan dan ditadbir oleh Jabatan Agama Islam Negeri melalui Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di negeri-negeri di Semenanjung, Akta yang serupa bagi Wilayah Persekutuan dan Ordinan bagi Sabah dan Sarawak (Mamat & Mohamed Razali, 2020). Oleh itu, perundangan berkaitan perkahwinan dan perceraian yang melibatkan golongan pelarian yang bermastautin di Malaysia merupakan sebahagian daripada bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Realiti Pengurusan Perkahwinan Pelarian Muslim Filipina di Sabah

Tidak semua rakyat dari Selatan Filipina yang masuk ke Sabah dikategorikan sebagai pelarian. Kemasukan rakyat Filipina ke Sabah tanpa dokumen yang memegang sah kategori pelarian hanyalah mereka yang masuk ke Sabah sehingga tahun 1985. Status pelarian ditentukan melalui pemilikan salah satu daripada tiga dokumen khas pelarian iaitu IMM13, Resit Pengenalan Sementara (juga dikenali sebagai Kad Burung-Burung) dan Sijil Banci (Ag Damit, 2023). Dalam konteks pengurusan perkahwinan golongan pelarian Filipina di Sabah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) menjelaskan bahawa kerajaan negeri tidak mempunyai sebarang garis panduan yang khusus dalam menguruskan kebenaran dan pendaftaran perkahwinan mereka. Namun begitu, golongan pelarian yang memegang dokumen khas jenis Kad IMM13 boleh memohon kebenaran untuk berkahwin dan mendaftarkan perkahwinan mereka secara rasmi. Mereka juga boleh mengajukan permohonan daftar lewat perkahwinan selagi mana perkahwinan tersebut dilangsungkan dalam negeri Sabah dan mempunyai Kad IMM13. Permohonan mereka dikategorikan dalam permohonan kebenaran berkahwin di dalam negeri Sabah iaitu merujuk kepada orang Islam yang bermastautin dalam negeri Sabah (Yahya, 2025). Berdasarkan Undang-Undang Keluarga Islam 2004, Enakmen Majlis Ugama Islam Sabah 2004 adalah terpakai kepada semua orang Islam yang tinggal dalam negeri Sabah dan semua orang Islam yang bermastautin dalam negeri Sabah tetapi tinggal di luar negeri.

Walaupun status pelarian ditentukan melalui pemilikan salah satu daripada tiga dokumen khas yang telah dinyatakan, namun dokumen yang diterima untuk berurusan di Bahagian Pentadbiran Syariah, JHEAINS hanyalah Kad IMM13 yang disertakan dengan surat pengesahan rasmi daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Dokumen khas Sijil Banci dan Resit Pengenalan Sementara tidak diterima untuk digunakan dalam mengajukan permohonan kebenaran berkahwin kerana dokumen tersebut hanyalah dokumen sementara yang tidak mempunyai sandaran undang-

undang. Golongan pelarian yang memegang dua jenis dokumen ini sepatutnya menjalani penukaran kepada Kad IMM13 selepas tempoh masa tertentu (Yahya, 2025; Fazlan, 2024). Namun disebabkan wujudnya beberapa perkara yang menjadi kekangan seperti ketakutan terhadap penangkapan dan penghantaran semula ke negara asal, maka masih lagi terdapat sebahagian besar daripada golongan pelarian yang tidak memiliki Kad IMM13 sehingga kini. Oleh sebab itu, mereka tidak dapat menikmati sepenuhnya hak pelarian yang telah digariskan oleh pihak kerajaan. Antaranya adalah hak untuk mendapatkan akses terhadap pendaftaran dan pengiktirafan perkahwinan.

Golongan pelarian yang memegang Kad IMM13 tidak mempunyai sebarang masalah untuk mengajukan permohonan, mendaftarkan perkahwinan mereka secara rasmi dan mendapatkan Sijil Nikah yang sah daripada pihak berkuasa. Setelah urusan yang berkaitan dengan pengesahan Kad IMM13 selesai, mereka akan menjalani proses permohonan kebenaran dan pendaftaran perkahwinan sama seperti proses yang perlu dijalani oleh warganegara. Mereka juga diwajibkan untuk mengikuti kursus kahwin dan menjalani ujian saringan HIV di klinik-klinik kesihatan kerajaan menggunakan borang saringan HIV yang telah diwartakan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Borang-borang yang perlu dilengkapi dan diserahkan kepada pendaftar (PPR) juga adalah sama. Tidak terdapat borang yang dikhususkan kepada warganegara ataupun warga asing terutamanya pelarian (Yahya, 2025).

Bagi golongan pelarian yang masih memegang dokumen khas jenis Sijil Banci dan Resit Pengenalan Sementara, mereka lazimnya melangsungkan perkahwinan secara kampung iaitu 'kahwin kampung'. Apabila melangsungkan 'kahwin kampung', pada kebiasaannya mereka tidak menggunakan khidmat jurunikah yang telah dilantik dan diiktiraf oleh pihak berkuasa. Mereka hanya menggunakan khidmat imam-imam kampung sebagai jurunikah (Bawa; Damsid; Gokin, 2023). Keadaan ini boleh menimbulkan keraguan terhadap status kesahan perkahwinan tersebut sekiranya jurunikah tersebut bukan ahli dalam hal ehwal perkahwinan Islam dan gagal memenuhi rukun serta syarat sah nikah yang telah digariskan oleh syarak. Sementara, dokumentasi pembuktian perkahwinan mereka pula dilakukan melalui dokumen perakuan pengesahan perkahwinan yang dikeluarkan oleh JKKMP (Buldae, 2023). Walau bagaimanapun, dokumen perakuan tersebut tidak diiktiraf oleh kerajaan negeri yang mana dokumen tersebut tidak boleh dijadikan sebagai dokumen sokongan untuk mendaftarkan perkahwinan mereka secara rasmi dan bagi tujuan mendapatkan Sijil Nikah (Yahya, 2025). Ketidadaan Sijil Nikah merupakan kunci kepada rangkaian masalah pendaftaran kandungan, pendaftaran kelahiran dan dokumentasi anak serta pengiktirafan kewarganegaraan anak. Prosedur-prosedur ini memerlukan Sijil Nikah ibu bapa sebagai bukti kesahan status perkahwinan bagi memastikan kesahatarafan anak. Sekiranya ibu bapa tidak mempunyai Sijil Nikah, maka anak tersebut akan didaftarkan sebagai anak yang tidak sah taraf menurut undang-undang Malaysia. Artikel 13 di bawah peruntukan Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (1957) menyatakan bahawa nama bapa tidak boleh didaftarkan dalam sijil kelahiran anak secara automatik.

Dalam tempoh beberapa tahun terakhir ini, pihak JHEAINS menyatakan bahawa majoriti golongan pelarian yang melangsungkan perkahwinan adalah mereka yang berasal daripada generasi anak-anak pelarian iaitu anak-anak yang lahir di Sabah (Yahya, 2025). Mereka yang lahir di Sabah layak untuk mendapatkan Sijil Lahir sekiranya ibu bapa mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah. Bagi golongan pelarian, ibu bapa yang memegang dokumen khas jenis

IMM13 dan Resit Pengenalan Sementara (mendapat surat rasmi pengesahan dokumen daripada Unit Penempatan Jabatan Ketua Menteri) layak untuk memohon Sijil Lahir anak di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Oleh itu, mereka mengajukan permohonan kebenaran perkahwinan dengan mengemukakan Sijil Lahir sebagai dokumen pengenalan diri dan disertakan bersama dokumen sokongan yang telah ditetapkan. Dokumen-dokumen sokongan yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan Penerimaan Dokumen Pengenalan Diri Pemohon Bagi Urusan Hal Ehwal Perkahwinan, Perceraian Dan Ruju' Orang Islam Dalam Negeri Sabah Bil. 1 Tahun 2023 adalah seperti berikut:

Jadual 1
Dokumen Sokongan Bagi Sijil Lahir

Dokumen sokongan	Catatan
Resit Penerimaan Permohonan kad pengenalan, <i>ATAU</i>	Surat pengesahan rasmi daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
Resit permohonan urusniaga warganegara <i>DAN</i>	
Dokumen Pengenalan ibu dan bapa	

Berdasarkan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh JHEAINS, jelas menunjukkan bahawa pihak kerajaan negeri Sabah tidak meminggirkan isu pengurusan perkahwinan pelarian meskipun Malaysia tidak mempunyai obligasi untuk mengurus mereka secara rasmi. Pihak JHEAINS tetap memberikan komitmen dalam menguruskan hal ehwal perkahwinan pelarian secara tersusun bagi menjamin kesahan status perkahwinan dan kesucian nasab keturunan mereka terjaga. Tatacara pengurusan yang sama diguna pakai dalam aspek pembubaran perkahwinan iaitu cerai dan rujuk. Dengan syarat pasangan berkenaan memiliki dokumen pengenalan khas yang diiktiraf oleh pihak berkuasa Imigresen dan perkahwinan tersebut dilangsungkan dalam negeri Sabah.

ISU DAN CABARAN

Ketiadaan dokumen khas IMM13 merupakan faktor utama golongan pelarian tidak dapat mengajukan permohonan kebenaran dan pendaftaran perkahwinan secara rasmi. Pihak JHEAINS tidak mempunyai bidang kuasa untuk membantu mereka dalam hal dokumen bagi memastikan mereka dapat melangsungkan perkahwinan yang sah di sisi undang-undang. Pihak JHEAINS menyarankan agar isu tersebut diselesaikan oleh golongan pelarian melalui permohonan dokumen khas daripada agensi yang mengeluarkan dokumen tersebut (Yahya, 2025). Namun, pengeluaran Kad IMM13 telahpun dihentikan sepenuhnya sejak tahun 2013 selepas berlakunya isu pencerobohan di Lahad Datu (Fazlan, 2024). Penyelesaian kepada isu ini perlu dihasilkan oleh pihak kerajaan negeri bagi memastikan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan pelarian terutama sekali pengurusan perkahwinan dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik.

Ketiadaan Sijil Nikah ibu bapa pemohon sebagai dokumen pembuktian perkahwinan merupakan antara cabaran terbesar yang perlu dihadapi oleh pihak JHEAINS dalam pengurusan perkahwinan pelarian meskipun pemohon (wanita) mempunyai dokumen khas IMM13 ataupun Sijil Lahir (berasal daripada generasi anak-anak pelarian yang lahir di Sabah). Ketiadaan Sijil Nikah ibu bapa pemohon menyebabkan proses pengurusan perkahwinan menjadi semakin rumit dan memakan masa yang lama kerana siasatan semula perkahwinan ibu bapa perlu dilakukan. Siasatan semula perkahwinan melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kesahan status perkahwinan bagi menentukan status kesahtarafan anak (pemohon). Isu akan menjadi lebih

kompleks jika melibatkan perpindahan wali pada perkahwinan ibu bapa pemohon. Sekiranya timbul keraguan, maka pemohon diminta untuk membuat permohonan penentuan nasab di Mahkamah Syariah (Yahya, 2025). Perkara ini amat dititikberatkan kerana ianya menentukan kesahan status perkahwinan yang akan dilangsungkan dan siapakah wali yang layak untuk menikahkan pemohon tersebut. Perkahwinan tanpa pematuhan rukun dan syarat sah bukan sahaja menimbulkan isu dari segi hukum kesahan perkahwinan, tetapi turut mencetuskan kesan sosial yang serius.

Kekangan yang dihadapi oleh golongan pelarian dalam mengemukakan permohonan dan pengiktirafan perkahwinan telah meningkatkan risiko salah laku pemalsuan dokumen serta penipuan perkahwinaan. Tindakan tersebut dilakukan semata-mata untuk mendapatkan Sijil Nikah bagi tujuan pendaftaran dokumentasi dan pengiktirafan kewarganegaraan anak. Dalam sebuah kes yang dilaporkan, seorang lelaki warganegara telah berkahwin dengan seorang wanita pelarian yang meminjam dokumen kakaknya (dokumen jenis IMM13). Pasangan tersebut kemudiannya mendaftarkan perkahwinan mereka di pejabat JHEAINS dan mendapatkan Sijil Nikah. Masalah timbul apabila anak-anak hasil daripada perkahwinan tersebut mengajukan permohonan taraf kewarganegaraan. Solusinya, pihak JPN mengarahkan mereka untuk melakukan ujian DNA sebagai pembuktian hubungan di antara ibu dengan anak-anak bagi mendapatkan Sijil Nikah yang betul serta sah memandangkan suami dan kakaknya (pemilik asal dokumen) tidak dapat memberikan keterangan kerana telah meninggal dunia (Yahya, 2025).

Berdasarkan kepada senario yang berlaku, isu berkaitan pengurusan perkahwinan serta pembentukan institusi keluarga dalam kalangan pelarian Filipina tidak akan selesai sekiranya pihak kerajaan tidak menemui penyelesaian yang lebih holistik dan sistematik. Perkara tersebut akan menjadi punca kepada rangkaian permasalahan lainnya dan meningkatkan risiko pertambahan jumlah *stateless* di Sabah. Oleh itu, pihak kerajaan sewajarnya mewujudkan sebuah mekanisme khusus yang berpandukan kepada prosedur perundangan dan tuntutan syarak agar kawal selia dapat dilakukan dengan lebih efisien. Hal ini bagi memastikan kebajikan serta kepentingan semua pihak dapat dijaga secara seimbang.

KESIMPULAN

Keterhadan akses golongan pelarian Filipina di Sabah terhadap pendaftaran dan pengiktirafan perkahwinan berpunca daripada kekangan dokumen dan keterbatasan undang-undang. Oleh hal yang demikian, perkahwinan kampung menjadi pilihan mereka sebagai insiatif untuk membentuk institusi kekeluargaan yang sah di sisi syarak. Sementara, rekod serta dokumentasi perkahwinan mereka yang dikenali sebagai surat perakuan pengesahan nikah dikeluarkan oleh JKKMP untuk tujuan pembuktian perkahwinan. Usaha tersebut masih lagi diteruskan sehingga ke hari ini walaupun dokumen tersebut tidak mendapat pengiktirafan daripada pihak kerajaan. Melihatkan kepada situasi ini, pihak kerajaan sepatutnya mencari penyelesaian yang lebih komprehensif agar golongan pelarian diberikan peluang untuk mendaftarkan dan mendapatkan pengiktirafan perkahwinan. Tujuannya adalah untuk memastikan adanya rekod rasmi bagi tujuan perundangan, pengiktirafan terhadap status kesahan perkahwinan, nasab anak dan hak-hak yang sepatutnya dinikmati oleh pasangan suami isteri diberikan secara adil. Secara tidak langsung, hal ini dapat

merealisasikan matlamat utama syariah iaitu mendatangkan kebaikan serta menolak sebarang bentuk kemudaratan terhadap manusia melalui penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah geran yang bertajuk Pengurusan Pelarian di Sabah: Analisis daripada Perspektif Maqasid Syariah. Geran ini merupakan geran di bawah Bantuan Penyelidikan Pascasiswazah (UMSGreat) dengan kod penyelidikan GUG0647-2/2023.

RUJUKAN

- Ag Damit, N. N. (2023). *Pengurusan kebajikan dan perlindungan pelarian di Sabah* [Temu bual, 22 Mei 2023].
- Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian. (1957). *Akta 299*. Percetakan Nasional Berhad Malaysia.
- Bawa, M. (2023). *Pengurusan kebajikan dan perlindungan pelarian di Sabah* [Temu bual, 9 Oktober 2024].
- Buldae, Y. (2023). *Pengurusan kebajikan dan perlindungan pelarian di Sabah* [Temu bual, 11 Julai 2023].
- Convention on Consent to Marriage, Minimum Age for Marriage and Registration of Marriages. (1962). United Nations Treaty Series. <https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/convention-consent-marriage-minimum-age-marriage-and>
- Daily Express. (1974). *Malaysia's policy is to strive for friendly relations with all countries: Razak | Refugees free to leave*. Jabatan Arkib Negeri Sabah.
- Daily Express. (1978). *Filipino refugees get \$4.5 mil from UNHCR*. Jabatan Arkib Negeri Sabah.
- Daily Express. (1984). *About 100,000 Filipinos now*. Jabatan Arkib Negeri Sabah.
- Damsid, M. (2023). *Pengurusan kebajikan dan perlindungan pelarian di Sabah* [Temu bual, 10 Ogos 2023].
- Fazlan, M. (2024). *Pengurusan kebajikan dan perlindungan pelarian di Sabah* [Temu bual, 3 Oktober 2024].
- Gokin, B. (2023). *Pengurusan kebajikan dan perlindungan pelarian di Sabah* [Temu bual, 23 Julai 2023].
- Hajimin, M. N. H. H., Hajimin, M. N. R. I., & Hajimin, M. N. H. F. (2018). Perkembangan pendidikan Islam pelarian di Skim Penempatan Telipok, Kota Kinabalu. *Journal of Islamic Dakwah (al-Hikmah)*, 2, 1–9.
- Hajimin, M. N. H. H., Marinsah, S. A., & Abang Muis, A. M. R. (2023). Perkhidmatan kesihatan terhadap pelarian di Sabah dari perspektif Maqasid Syariah: Satu tinjauan awal. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8(32), 223–231.
- International Covenant on Civil and Political Rights. (1966). United Nations Treaty Series. <https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/international-covenant-civil-and-political-rights>
- Irbili, M. A. (1995). *Tanwirul Qulub fi Mu'amalati Allamil Ghuyub*. Dar Al-Kotob al-Ilmiyah.
- Khadimi, N. M. (2001). *Ilm al-Maqasid al-Shari'ah*. Maktabah al-Abikan.

- Khairi, A. (2012). *Penanganan masalah pelarian dalam konteks keselamatan insan di Malaysia: Kajian kes ke atas pelarian Moro dan Rohingya* (Tesis Sarjana). Universiti Sains Malaysia.
- Khairi, A. (2021). *Keselamatan insan terjamin? Pelarian Moro dan Rohingya di Malaysia*. UKM Press.
- M. Rasid Rida, S. F. A., & Hajimin, M. N. H. H. (2025). The reality of the life of Filipino refugee community settlement scheme, Sabah in the aspects of education and health care services: An analysis from the perspective of Maqasid Syariah. *International Journal of Academic Research in Business & Social Sciences*, 15(3), 557–573.
- Mamat, Z., & Mohamed Razali, R. (2020). Pengurusan perkahwinan masyarakat Rohingya di Malaysia menurut perspektif undang-undang syariah. *KANUN*, 2, 243–274.
- Md Arshad, A. R., Wan Abdullah, W. Z., & Yakob, M. A. (2014). *Pengajian fiqh: Muamalat, munakahat, mirath & jenayah*. Affa Trend Publication.
- Mison, F. A. (2024). *Pengurusan kebajikan dan perlindungan pelarian* [Temu bual, 9 Oktober 2024].
- Mohamed Razali, R., Khairi, A., & Rahmatullah, T. (2024). Transnational marriages of Rohingya refugees: Legal challenges of Islamic family law in Malaysia. *Manchester Journal of Transnational Islamic Law & Practice*, 20(3), 412–419.
- Mohd Arshad, M. R. (2022). *Pendidikan untuk pelarian tidak berkerakyatan (PTB)*. UiTM Institutional Repository. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/66990/>
- Mohd Arshad, M. R., & Abd Batau, M. F. (2023). Impak melindungi pelarian terhadap ekonomi Malaysia. *Jurnal Perspektif*, 1, 13–24.
- Parlimen Malaysia. (2024). *Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Hal Ehwal Sosial dan Masyarakat Majlis Dewan Negara: Penguasaan warga asing dalam perniagaan kecil dan sederhana*.
- Perlembagaan Persekutuan. (1957).
- Rachagan, S. S., & Dorall, R. F. (1981). The conflict in Mindanao: Perspectives from south of the border. *Agham-Tao*, 4(2), 52–83.
- Saibeh, B. (2018). Pendidikan alternatif sebagai wadah keterangkuman sosial dalam kalangan penduduk yang tiada kewarganegaraan di Pulau Mabul, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 24, 177–206.
- Shiddieqy, M. H. (1983). *Hukum-hukum fiqh Islam*. Bulan Bintang.
- Syafie, A. A. (1989). *Al-Umm (Kitab Induk)* (Vol. 7, I. Yakub, Trans.). Victory Agencies.
- The Cairo Declaration on Human Rights in Islam. (1990). International Committee of the Red Cross. [https://elearning.icrc.org/detention/en/story_content/external_files/Human%20Rights%20in%20Islam%20\(1990\).pdf](https://elearning.icrc.org/detention/en/story_content/external_files/Human%20Rights%20in%20Islam%20(1990).pdf)
- The New Straits Times. (1999). *500,000 illegals expected to leave*.
- Universal Declaration of Human Rights. (1948). United Nations. <https://www.ohchr.org/en/human-rights/universal-declaration/translations/malay-bahasa-melayu>
- Yahya, D. K. (2025). *Pengurusan perkahwinan pelarian Filipina di Sabah* [Temu bual, 12 Mac 2025].

BIOGRAFI

Siti Fatimah Az-zahraa binti M.Rasid Rida merupakan pelajar PhD sepenuh masa di Fakulti Pengajian Islam, UMS. Bidang penyelidikannya adalah merangkumi fiqh migrasi dan maqasid syariah. Fokus kajian semasa adalah meneliti kerangka pengurusan pelarian Filipina yang sedia ada di Sabah daripada sudut pandang Islam.

Mohd Nur Hidayat Hasbollah Bin Hajimin merupakan Pensyarah Kanan dan merangkap Ketua Program Pendarasan Islam di Fakulti Pengajian Islam, UMS. Bidang penyelidikannya merangkumi fiqh migrasi, fiqh minoriti, peradaban Islam dan pentadbiran Islam.